

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: ISTIADAT PERTABALAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI  
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KELAPAN

TEMPAT: DI ISTIADAT PERTABALAN

TARIKH: 15 NOV 1984

MASA:

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Yang  
Di-Pertuan Agong Malaysia, dengan kemuliaan dan  
kebesarannya.

Ampun Tuanku,

Pada saat yang bersejarah serta gilang-gemilang ini,  
bersempena dengan hari Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, patik bagi pihak Ahli-Ahli  
Jumaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan, dan seluruh rakyat  
Malaysia dari segenap lapisan dan keturunan kaum, dengan  
perasaan riang gembira dan dari hati yang jujur, mengangkat  
sembah takzim serta merafak ucapan setinggi-tinggi tahniah  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kerana telah dipilih  
dan dilantik sebagai Raja Memerintah bagi seluruh Negara  
Malaysia, dan sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan.

2. Patik juga merafak sembah untuk menyampaikan ucapan  
setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Sultanah Zanariah, di atas perlantikan Seri Paduka Baginda  
menjadi Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku,

3. Negara kita telah merdeka selama lebih 27 tahun dan  
selama itulah rakyat telah hidup dalam aman, makmur dan  
bahagia. Dengan izin Allah Subhanahu Wataala, adalah  
diharapkan keadaan ini akan berterusan dan berpanjangan.

4. Di samping itu Kerajaan Tuanku sedang berusaha menanam  
nilai-nilai positif di kalangan rakyat bagi menempa sebuah  
negara yang makmur dan progresif. Kerajaan Tuanku berharap  
rakyat negara ini akan semakin cekal, berdisiplin dan tekun  
berusaha, bukan sahaja bagi manfaat dan kebajikan diri  
masing-masing tetapi juga bagi kesejahteraan negara.

5. Negara kita telah berjaya mengatasi kesan buruk akibat  
daripada kemelesetan ekonomi dunia. Dengan keadaan ekonomi  
dunia yang beransur pulih, kadar kemajuan negara kita  
dijangka akan meningkat semula pada tahun-tahun akan datang.  
Kita berharap keadaan optimistik ini akan memberi galakan  
kepada para peniaga, pengurus-pengurus, pengusaha-pengusaha  
dan semua lapisan rakyat untuk terus meningkatkan lagi usaha

masing-masing.

6. Keadaan keselamatan dalam negeri adalah terkawal. Patik semua berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga keselamatan dalam negeri akan terus tenteram. Walaupun begitu, Kerajaan memang sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang ingin memecah-belahkan rakyat.

7. Dalam hubungan antarabangsa pula, negara kita akan terus memainkan peranan yang aktif dalam rangka kerjasama dengan negara-negara ASEAN. Adalah diharapkan kerjasama serantau ini akan menjamin kestabilan dan kemakmuran negara kita dan jiran-jiran di kawasan Asia Tenggara. Kerajaan Tuanku akan mempergiatkan lagi usaha bekerjasama dan memberi bantuan teknikal kepada negara-negara membangun yang memerlukannya.

Ampun Tuanku,

8. Mengambil sempena hari yang bersejarah dan saat yang mulia ini, patik bagi pihak Ahli-Ahli Jumaah Menteri, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan sekalian rakyat, merafakkan sembah ikrar taat setia Kebawah Duli Seri Paduka Tuanku.

9. Akhirul-kalam, patik semua berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala, Yang Maha Pengasih lagi Yang Maha Pemurah, mudah-mudahan dilanjutkan usia Kebawah Duli Tuanku dan usia Kebawah Duli Raja Permaisuri Agong. Patik semua juga berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala menganugerahkan Kebawah Duli Tuanku, di dalam sihat walafiat, aman sentosa dan sejahtera.  
Amin Ya Rabbul 'Alamin